

Iftar@KL produk utama TMM2026

Berpotensi jadi daya tarikan kepada pelancong berikutan keunikan variasi juadah dan sambutan Ramadan di Malaysia

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD
KUALA LUMPUR

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan mengangkat program Iftar@KL sebagai salah satu produk utama yang akan dipromosikan bersempena Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026).

Timbalan Menteri, Khairul Firdaus Akbar Khan berkata, program dianjurkan MOTAC melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) itu berpotensi menjadi daya tarikan kepada pelancong berikutan keunikan variasi juadah dan sambutan Ramadan di negara ini.

"Sambutan pada bulan Ramadan dan Syawal di negara kita mempunyai keistimewaan tersendiri jika dibandingkan dengan negara lain kerana bukan sahaja orang Islam yang menyambutnya tetapi juga oleh pelbagai agama, bangsa dan latar belakang.

"Ia perlu diperlihatkan ke seluruh dunia tentang keunikan budaya kita termasuk dari sudut pelancongan mesra Muslim kerana ramai pelancong mahu melihat keunikan dan cara kehidupan masyarakat Islam di negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar program Iftar@KL 2025 di Dataran Merdeka di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Ketua Pengarah JKKN,



Khairul Hasib (kanan) bersama rakan ketika menyertai Iftar@KL 2025 yang diadakan di Dataran Merdeka pada Sabtu.



ROSINAN



FATIMAH

Mohd Amran Mohd Haris; Timbalan Ketua Pengarah JKKN, Rosnan Nordin serta tetamu kehormat lain.

Mengulas lanjut, Khairul Firdaus berkata, pihaknya juga akan bekerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi merangka pelan kontingensi untuk memastikan kelancaran program demi kemudahan dan keselesaan pengunjung.

Menurutnya, beliau juga akan mempertimbangkan cadangan untuk memberikan insentif kepada pengengaruh media sosial bagi mempromosikan keunikan dan aneka juadah serta sambutan Ramadan sempena TMM2026.

Dalam pada itu, Rosnan memaklumkan, edisi Iftar@KL 2025 yang berlangsung selama empat hari iaitu pada 15, 16, 22 dan 23 Mac itu berjaya menarik lebih 35,000 pengunjung walaupun keadaan cuaca kurang mengizinkan.

Beliau berkata, program tersebut ber-



Nur Atikah (kanan) bersama rakan teruja dapat berbuka puasa bersama orang ramai dan menjalinkan silaturahim sesama mereka.

tujuan mengimarahkan Ramadan, memperkukuh ukhuwah dan toleransi antara kaum, menyemarakkan kebudayaan serta kesenian Islam kepada pelancong tempatan dan antarabangsa.

"Program ini merupakan penganjuran kali ke-13 JKKN sejak pelaksanaannya bermula pada 2012 dengan kehadiran pengunjung hanya 500 orang dan kini ia mampu mencapai lebih 35,000 pengunjung melibatkan empat hari penganjuran.

"Dalam keadaan cuaca yang tidak menentu sekarang memerlukan kita membuat persiapan rapi dan dalam masa sama memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pengunjung untuk berbuka puasa.

"Apa yang unik, ia bukan program berbuka puasa beramai-ramai sahaja tetapi terdapat pelbagai pengisian lain seperti tazkirah Ramadan, solat tarawih berjemaah dan banyak jualan makanan serta minuman yang boleh didapati daripada *food truck*," ulasnya.

Dinanti setiap tahun

Sementara itu, seorang pengunjung, Fatimah Lakasa, 50, mengakui sentiasa ternanti-nanti untuk menyertai acara tahun-

an berkenaan bagi merasai pengalaman berbuka puasa dalam suasana berbeza.

"Sebenarnya setiap tahun kami sekeluarga tidak pernah melepaskan peluang untuk datang tetapi kali ini lebih meriah berbanding tahun sebelum.

"Saya tidak nafikan program seperti ini mampu menjimatkan perbelanjaan keluarga dan membantu golongan B40 seperti saya. Malah, banyak juga kemudahan disediakan seperti ruang solat serta tempat letak kenderaan yang menyenangkan kami datang," katanya.

Penjawat awam, Khairul Hasib Mohamad, 26, berkata, Iftar@KL 2025 memberi pengalaman bermakna buat dirinya kerana pertama kali berpeluang menyertai program berkenaan.

"Tahun lepas kami tidak berpeluang kerana ruang agak terhad tetapi kali ini banyak penambahbaikan yang dibuat," ujarnya.

Seorang lagi pengunjung yang juga guru swasta, Nur Atikah Ghazali, 30, berkata, dia teruja dapat berbuka puasa bersama orang ramai walaupun tidak mengenali antara satu sama lain.



Khairul Firdaus (dua dari kiri) pada sidang akhbar Iftar@KL 2025 di Dataran Merdeka pada Sabtu.